

Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Norasykin Bt Mohd. Zaid & Nurul Huda Binti Abdul Wahab
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kemahiran generik merupakan kemahiran tambahan yang perlu diberi perhatian di dalam usaha melahirkan modal insan yang mampan dan berkualiti tinggi sejajar dengan misi teras kedua di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau tahap penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar dan persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 66 orang responden yang mengikuti program 4 SPK, 4 SPP dan 4 SPT di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik di mana setiap item yang dikemukakan diukur menggunakan Skala Likert Lima Mata. Kesahan instrumen disemak oleh pensyarah yang berpengalaman. Kajian rintis yang dilakukan untuk melihat nilai kebolehpercayaan instrumen kajian memberikan nilai alpha cronbach, $\alpha=0.856$. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.0 (*Statistical Package For Social Science Version 11.0*) untuk dipersembahkan di dalam bentuk jadual berdasarkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap penerapan kemahiran generik dan persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik berada pada tahap tinggi dengan min 3.97 dan min 4.43. Justeru itu, penerapan kemahiran generik perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh oleh semua pihak memandangkan kemahiran generik mempunyai kepentingannya yang tersendiri terutamanya dalam usaha membentuk keterampilan dan jati diri pelajar untuk bersaing di dalam dunia pekerjaan yang kompetitif.

Katakunci : penerapan kemahiran generik

Pendahuluan

Pembangunan modal insan sebagaimana yang diutarakan oleh Perdana Menteri secara tidak langsung berkait rapat dengan isu kualiti produk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) hingga dikatakan mengakibatkan lambakan graduan yang tidak memiliki pekerjaan. Mengapa perkara ini terjadi dalam sistem pendidikan kita pada hari ini? Jika dilihat dalam sejarah pendidikan negara, perkara ini tidak seteruk pada era 70-an dan 80-an. Puncanya pada masa kini adalah disebabkan graduan tidak berketerampilan dan tidak memiliki kemahiran, khususnya kemahiran insaniah sebagaimana yang dituntut oleh majikan, di samping pasaran kerja yang kompetitif. IPT perlu menjana graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh sama ada daripada sudut kualiti intelektual mahupun keterampilan insaniah yang merangkumi aspek sikap, akhlak dan sebagainya (Hasnah Hussin, 2006).

Menteri Pembangunan Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pembangunan modal insan yang membawa kepada peningkatan tahap pendidikan generasi muda dilihat berupaya menyumbang kepada kemajuan negara. Menurut beliau lagi, modal insan yang dimiliki boleh digunakan untuk mendapatkan pekerjaan dan sebarang pendekatan yang mampu memajukan kedudukan diri mereka (Berita Harian, 2007). Merujuk kepada Skudai Post Online (2007), hal ini disokong oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed yang telah membuat kenyataan akhbar pada 24 April 2006 dengan mengatakan dunia sekarang sudah berubah di mana graduan bukan sahaja memerlukan segulung ijazah tetapi mereka perlu melengkapkan diri

dengan kemahiran lain seperti kokurikulum, aktiviti amal dan asas-asas keusahawanan. Oleh itu, dalam usaha merealisasikan teras kedua RMK-9 untuk melahirkan graduan berkualiti yang mempunyai modal insan seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan, UTM telah mengambil langkah mewujudkan Atribut Graduan UTM yang mengandungi tujuh elemen kemahiran generik yang perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar sepanjang pengajian mereka di UTM.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana tahap penerapan kemahiran generik dalam diri pelajar UTM yang bakal menamatkan pengajian dan persepsi mereka terhadap kepentingan kemahiran generik.

Objektif Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji tahap penerapan kemahiran generik dan persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik. Oleh yang demikian, objektif yang hendak dicapai oleh pengkaji di dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek berikut :

- i) Tahap penerapan kemahiran generik di dalam diri pelajar.
- ii) Persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai pelbagai kepentingan berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan. Antara kepentingan yang dikenalpasti adalah untuk pelajar, pensyarah, universiti dan sektor ekonomi. Pengkaji meletakkan harapan yang tinggi semoga hasil kajian memberikan faedah yang besar kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Kepentingan Kepada Pelajar : Antara kepentingan untuk para pelajar adalah mereka dapat meninjau tahap penerapan kemahiran generik di dalam diri mereka. Pada masa yang sama juga, para pelajar dapat menyedari kepentingan kemahiran generik untuk menembusi pasaran kerja yang kompetitif.

Kepentingan Kepada Pensyarah : Kepentingan untuk pensyarah pula membolehkan mereka mendapat maklum balas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dijalankan dapat menerapkan elemen-elemen kemahiran generik atau sebaliknya. Dengan itu, secara tidak langsung pensyarah boleh mempelbagaikan proses P&P dalam usaha untuk menerapkan kemahiran generik kepada para pelajar.

Kepentingan Kepada Universiti : Kepentingan untuk universiti adalah mendapat maklum balas terhadap tahap penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir fakulti pendidikan sebelum memasuki pasaran kerja. Sehubungan dengan itu, pihak universiti dapat melihat kesesuaian kurikulum universiti dengan elemen-elemen kemahiran generik yang ingin diterapkan sebagaimana di dalam Atribut Graduan. Hal ini membolehkan pihak universiti merancang pelbagai program untuk memastikan graduan yang bakal dikeluarkan mampu memenuhi keperluan negara dan kehendak pasaran kerja.

Kepentingan Kepada Sektor Ekonomi : Kepentingan untuk sektor ekonomi negara pula dapat dilihat daripada segi kemahiran generik yang diterapkan boleh menjadi kelebihan kepada pelajar untuk menembusi pasaran kerja. Apabila mereka dapat menembusi pasaran kerja yang kompetitif, semestinya mereka dapat menyumbang sesuatu yang berkualiti kepada sektor ekonomi negara. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan taraf kemajuan negara.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk deskriptif. Menurut Najib (1999), sekiranya kajian hanya untuk menerangkan keadaan, terma yang biasa digunakan ialah deskriptif. Jenis kajian deskriptif yang 24 dilakukan pula adalah menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah ini dipilih memandangkan data dapat dikumpul dengan cepat dan boleh melibatkan bilangan responden yang ramai. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau tahap penerapan kemahiran generik dalam diri pelajar dan persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik.

Kaedah kajian yang digunakan pula, adalah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan borang soal selidik yang diedarkan sendiri oleh pengkaji kepada responden. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan mempunyai perkaitan dengan persoalan kajian yang ingin dikaji. Penggunaan Skala Likert Lima Mata dalam soal selidik bagi sesuatu set senarai kenyataan digunakan untuk mengetahui jawapan responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Responden dikehendaki membulatkan jawapan di dalam ruangan yang disediakan pada borang soal selidik.

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Najib (1999), kelompok individu yang akan diselidik perlu dikenalpasti. Semua ahli dalam kelompok ini dipanggil populasi. Dalam kajian ini, populasi kajian yang dipilih adalah terdiri daripada para pelajar perdana tahun akhir Fakulti Pendidikan yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia, Fizik dan Matematik) iaitu 4 SPK, 4 SPP dan 4 SPT. Daripada populasi yang dikenalpasti, pengkaji memilih kesemua 66 orang pelajar tahun akhir daripada Jabatan Multimedia sebagai sampel kajian.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini pula adalah kaedah sampel bertujuan di mana pengkaji dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi sebagai sampel kajian. Menurut Najib (1999), sampel bertujuan ini adalah pecahan daripada kaedah sampel tidak rawak. Jadual 1 menunjukkan bilangan sampel kajian yang terlibat sebagai responden.

Jadual 1 : Bilangan sampel kajian

Bil	Kursus	Bil. Pelajar
1	4 SPK	27
2	4 SPP	16
3	4 SPT	23
Jumlah		66

Instrumen Kajian

Menurut Najib (1999), instrumen menentukan jenis data yang diperoleh dan mempengaruhi analisis pengkaji. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Pemilihan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini memandangkan ianya senang untuk dikendalikan, menjimatkan masa dan lebih mudah untuk mendapatkan data kajian. Instrumen kajian dibina oleh pengkaji sendiri berdasarkan instrumen yang telah digunakan dalam kajian-kajian yang lepas. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A : Bahagian A merupakan soalan berkaitan latar belakang responden. Maklumat yang diperlukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan aspek demografi iaitu jantina, bangsa dan program. Bagi menjawab soal selidik, responden hanya perlu menandakan jawapan mereka di dalam kotak yang disediakan.

Bahagian B : Bahagian B mengandungi 45 item soalan. Item-item yang dikemukakan adalah dalam bentuk ordinal di mana angka-angka dibahagikan kepada 5 kategori berdasarkan Skala Likert yang hanya mewakili kategori tetapi bukan nilai sebenar. Jawapan responden diukur dengan menggunakan Skala Likert Lima Mata seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Lima Pemeringkatan Skala Likert

Skor	Kenyataan
1	Amat Tidak Setuju (ATS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Sederhana Setuju (SS)
4	Setuju (S)
5	Amat Setuju (AS)

Instrumen bahagian B merangkumi aspek tahap penerapan dan persepsi terhadap kepentingan kemahiran generik yang diukur berdasarkan Atribut Graduan UTM iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis & kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat, etika & integriti, kemahiran kepimpinan dan kemahiran keusahawanan. Pecahan item soal selidik mengikut konstruk ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pecahan item mengikut konstruk

Bil	Konstruk	Bil.Item
1	Kemahiran berkomunikasi	6
2	Pemikiran kritis & kemahiran menyelesaikan masalah	5
3	Kemahiran kerja berpasukan	6
4	Pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat	6
5	Etika & integriti	5
6	Kemahiran kepimpinan	6
7	Kemahiran keusahawanan	5
8	Persepsi terhadap kepentingan kemahiran generik	6
Jumlah		45

Analisis Min Keseluruhan

Jadual 4 menunjukkan analisis min keseluruhan bagi setiap konstruk. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik mencatatkan nilai min

tertinggi dengan min 4.43, diikuti 45 kemahiran kerja berpasukan dengan min 4.17, diikuti pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat dengan min 4.10, seterusnya pemikiran kritis & kemahiran menyelesaikan masalah dengan min 4.06, kemahiran berkomunikasi pula memperoleh min 4.02, etika & integriti dengan min 4.01, diikuti pula kemahiran kepimpinan dengan min 3.84 dan kemahiran keusahawanan dengan min 3.58.

Jadual 4 : Analisis Min Keseluruhan

Bil	Item	Min	Tahap
1	Persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik	4.43	Tinggi
2	Kemahiran kerja berpasukan	4.17	Tinggi
3	Pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat	4.10	Tinggi
4	Pemikiran kritis & kemahiran menyelesaikan masalah	4.06	Tinggi
5	Kemahiran berkomunikasi	4.02	Tinggi
6	Etika & integriti	4.01	Tinggi
7	Kemahiran kepimpinan	3.84	Tinggi
8	Kemahiran keusahawanan	3.58	Sederhana

Perbincangan

Persoalan kajian 1 mengkaji tahap penerapan kemahiran generik di dalam diri pelajar. Analisis data yang diperolehi di dalam bab 4 menunjukkan para responden mempunyai tahap penerapan kemahiran generik yang tinggi. Hal ini terbukti apabila min purata bagi ketujuh-tujuh elemen kemahiran generik adalah sebanyak 3.97 iaitu nilai min berada pada tahap yang tinggi. Ketujuh-tujuh elemen yang dikaji adalah berdasarkan Atribut Graduan UTM iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis & kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan & pengurusan maklumat, etika & integriti, kemahiran kepimpinan, dan kemahiran keusahawanan. Kemahiran kepimpinan dan keusahawanan telah dimasukkan ke dalam Atribut Graduan UTM yang telah dikemaskini pada 2006 bagi menggantikan kemahiran menyesuaikan diri (*adaptability*) dan keyakinan diri (*self-esteem*) sejak diperkenalkan pada tahun 2004.

Seterusnya, min bagi dua elemen kemahiran generik yang dimasukkan pada tahun 2006 iaitu kemahiran kepimpinan dan keusahawanan berada pada tahap yang berbeza. Dapatan kajian mendapati kemahiran kepimpinan mencatatkan min pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.84. Ini kerana, para responden telah didedahkan dengan kemahiran kepimpinan sejak di bangku sekolah lagi. Aktiviti kokurikulum yang pelajar sertai di universiti juga menyumbang ke arah pembentukan nilai kepimpinan. Hal ini secara tidak langsung menyumbang ke arah tahap penerapan kemahiran kepimpinan yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar. Sebaliknya, kemahiran keusahawanan mencatatkan min pada tahap sederhana iaitu 3.58. Hal ini berlaku kerana kemahiran keusahawanan baru sahaja diberikan penekanan oleh kerajaan apabila Kementerian Pembangunan dan Usahawan (MeCD) menganjurkan Gerak Usahawan pada Mei 2005. Usaha ini adalah selari dengan visi kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian yang berdaya saing. Kenyataan ini juga disokong oleh Perdana Menteri, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi dalam petikan akhbar Utusan Malaysia (2007) yang mengatakan bahawa kerajaan akan memberikan penekanan terhadap melahirkan lebih ramai golongan usahawan dalam pelbagai bidang kerana dasar kerajaan adalah untuk menggalakkan rakyat berdikari dan menerajui bidang perniagaan.

Persoalan kajian 2 pula tertumpu kepada persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik. Majoriti responden mempunyai persepsi bahawa kemahiran generik mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Hal ini terbukti apabila kesemua min untuk setiap item mencatatkan nilai pada tahap yang tinggi sekaligus memberikan min purata sebanyak 4.43. Item-item yang dimaksudkan adalah “kemahiran generik perlu diamalkan oleh setiap pelajar” memberikan nilai min sebanyak 4.52, diikuti oleh item “semua pelajar perlu menguasai kemahiran generik” dengan min 4.44, begitu juga item “kemahiran generik penting di kalangan bakal pendidik” dengan min 4.44, seterusnya item “kemahiran generik perlu diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran” memberikan nilai min 4.41, diikuti pula item “kemahiran generik penting untuk bersaing mendapatkan peluang pekerjaan” memperoleh min 4.39 dan item “kemahiran generik perlu didedahkan kepada setiap pelajar” juga memperoleh min 4.39.

Secara keseluruhannya, setiap item mampu mencatatkan nilai min yang tinggi memandangkan responden adalah merupakan pelajar tahun akhir dan telah menjalani latihan mengajar yang memberikan mereka pengalaman bekerja. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan mereka telah sedia maklum tentang kepentingan kemahiran generik khususnya untuk menembusi pasaran kerja yang kompetitif lebih-lebih lagi apabila kerajaan telah menyatakan pengajian pendidikan bukan lagi jaminan untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut Buletin P&P (2004) pula, penerapan kemahiran generik penting bagi membolehkan seseorang graduan memainkan peranan dengan lebih berkesan di dalam dunia pekerjaan. Hal ini disokong oleh kenyataan Penyelaras Pengambilan Kakitangan Schlumberger di dalam petikan Buletin Achievers (2005) yang mengatakan bahawa kemahiran generik antara faktor yang diberi penekanan oleh pihak mereka untuk mencari pekerja. Ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran generik amat penting terutamanya bagi memastikan graduan yang dikeluarkan oleh IPT adalah graduan yang mampu memenuhi kehendak ekonomi negara dalam menyediakan modal insan yang bermutu tinggi.

Rujukan

- Ahmad Esa, Prof. Madya Dr. Jailani Mohd Yunus dan Prof. Madya Dr. Noraini Kaprawi (2005). Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum di Politeknik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jilid 7, m.s 2-14.
- Perdana Menteri Pandang Serius Pengangguran Di Kalangan Siswazah. (2005, Mac 21). *Bernamea Online*. Laman web diakses pada Ogos 9, 2007, dari <http://www.bernama.com>
- Buletin Achievers (2005). *Apa Kata Majikan?*. Laman web diakses pada Ogos 9, 2007, dari <http://web.utm.my/admission/index.php?option=content&task=view&id=2&Itemid=1>
- Buletin P&P: Centre for Teaching and Learning (2004). *Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar UTM*. Edisi 1. Laman web diakses pada Ogos 11, 2007, dari <http://www.ctl.utm.my/buletin/edisi1/beritakursus.htm>
- Dr. Siti Hawa Mohd. (2006). *Sikap Buruk Punca Pengangguran*. Laman web diakses pada Ogos 11, 2007, dari <http://www.darul kautsar.com/senaraiarkibberita/180.htm>

- Hasnah Hussin (2006). *Membentuk Modal Insan Melalui Pendidikan*. Laman web diakses pada Ogos 7, 2007, dari <http://www.pemudaumno.org.my/modules.php?name=News&file=article&sid=6348>
- Jessica Pumphrey dan Jo Slater (2002). *An Assessment of Generics Skills*. Laman web diakses pada Ogos 7, 2007, dari http://www.dfes.gov.uk/skillsdialoguereports/docs/SD13_Generic.pdf
- Research Digest (2001). *Generics Skills*. Laman web diakses pada Ogos 9, 2007, dari http://www.cit.act.edu.au/_data/page/871/Generic_Skills.pdf
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Saliha Hassan (2003). "*Pembinaan Keupayaan Melayu dalam Arus Globalisasi*". Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noreen Mohd. Esam (2007). *Tahap Kesiediaan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Matapelajaran Fizik di Fakulti Pendidikan, UTM*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Kuala Lumpur: Universiti Putera Malaysia.
- Shafudin Mohd. Yatim, Prof. Madya Ajmain Safar, Idris Ismail, dan Mohd. Fadzil Sulaiman (2005). *Kit Pelajar Cemerlang*. Universiti Teknologi Malaysia: Masjid Sultan Ismail
- Teks Ucapan NC di Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2006/2007 (2006). Universiti Teknologi Malaysia. Laman web diakses pada Julai 26, 2007, dari http://web.utm.my/skpost/index2.php?option=content&do_pdf=1&id=495